

G30SPKI 1965 dan Tragedi Lubang Buaya : Sebuah Trilogi [The G30S/PKI 1965 and Lubang Buaya Tragedy : A Trilogy]

by Muhammad Saleh Tajuddin

Submission date: 28-Aug-2020 08:52AM (UTC+0700)

Submission ID: 1375214580

File name: 172-Article_Text-736-1-10-20180706.pdf (1.04M)

Word count: 4990

Character count: 30977



G30S/PKI 1965 DAN TRAGEDI LUBANG BUAYA: SEBUAH TRILOGI

[THE G30S/PKI 1965 AND LUBANG BUAYA TRAGEDY: A TRILOGY]

*¹Rohani Hj. Ab Ghani & ²Muhamad Saleh Tajuddin

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

²Fakultas Agama dan Falsafah serta Ketua Lembaga Panitia dan Pengabdian Kepada Masyarakat (LPPM), Universiti Islam Negeri Alauddin, Makassar, Indonesia.

*Corresponding author: rag1162@uum.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan mengenai peristiwa berdarah di dinihari 30 September 1965 iaitu penculikan dan pembunuhan enam orang pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Nasional Indonesia (TNI) di sumbu Lubang Buaya. Peristiwa ini terkenal dengan panggilan Tragedi Sumur Lubuk Buaya 1965. Lokasi Lubang Buaya yang terletak di Pondok Gede, Jakarta menjadi tempat pembuangan mayat enam orang pemimpin tertinggi tentera Indonesia yang menjadi korban Gerakan 30 September 1965. Ia juga merupakan pusat latihan Parti Komunis Indonesia (PKI). Pasukan ini bukan sahaja terdiri daripada kaum lelaki, malah pasukan wanita yang menggelarkan diri mereka sebagai anggota Gerakan Wanita Indonesia. Peristiwa ini mendapat liputan meluas dari media antarabangsa dan tempatan sejak selepas kejadian sehingga kini. Meskipun selepas 50 tahun peristiwa ini berlaku, terdapat pelbagai versi cerita mengenai peristiwa ini dari pelbagai pihak yang mengundang pelbagai kontroversi. Artikel ini menggunakan pendekatan sejarah manakala bahan-bahan rujukan terdiri daripada sumber primer yang terdiri daripada rekod-rekod rasmi kerajaan British. Diharapkan artikel ini dapat menyelesaikan kontroversi berkaitan tragedi ini.

Kata Kunci: Angkatan Tentera Nasional Indonesia, Tragedi Sumur Lubuk Buaya, Parti Komunis Indonesia, Gerakan 30 September 1965, Gerakan Wanita Indonesia

ABSTRACT

This article discusses a blood shed disaster which took place on 30th September 1969 - the kidnapping and murdering of six Generals of Indonesian Army or Tentera Nasional Indonesia (TNI) at Lubang Buaya (Malay for Crocodile Well). The incident is known as the Tragedy Lubang Buaya 1965. Lubang Buaya is located at Pondok Gede Jakarta, which became a place for disposal of the dead bodies. The place was also used as a military training centre of the Indonesian Communist Party (Parti Komunis Indonesia — PKI). The PKI Army was not only joined by men but also women who proclaimed themselves as Women Indonesian Movement (Gerakan Wanita Indonesia-Gerwani). Tragedy Lubang Buaya receives a wide coverage by international and local press since the time of the tragedy till today. Even though the incident took place more than 50 years ago, there are various accounts of the incident

which result in controversies in the modern society. Employing a historical approach, this study used primary sources from British official records as the main data. It is hoped that this paper will provide a genuine account of the incident thus resolves the controversies related to the incident.

Keywords: Indonesian Army, Indonesian Communist Party, 30 September Movement, Tragedy Lubang Buaya, Women Indonesian Movement

1.0 PENDAHULUAN

Secara naratifnya sejarah pembinaan negara bangsa Indonesia adalah penuh kepelbagaian sesuai dengan sifat negara itu yang begitu beragam. Keragaman geografis, budaya, bahasa, etnik dan suku kaum dan fahaman politik telah mewujudkan slogan nasional negara itu yang berbunyi “Bhinneka Tunggal Ika”. Frasa yang berasal dari bahasa kuno Jawa ini bermaksud “Berbeda-beda tetapi tetap satu”. Antara peristiwa nasional terpenting yang secara langsung telah mengubah lanskap politik negara itu ialah peristiwa yang dikatakan sebagai cubaan rampasan kuasa oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) pada 30 September 1965 yang dikenali sebagai Gerakan Tiga puluh September 1965 atau G30S/PKI. Mendahului peristiwa rampasan kuasa itu adalah pembunuhan enam orang jenderal dan pegawai tertinggi Tentera Nasional Indonesia (TNI) di satu tempat yang dikenali sebagai Lubuk Buaya dan peristiwa ini dikenali sebagai Tragedi Sumur Lubang Buaya.

Tragedi yang berlaku lebih dari lima dekad ini sentiasa menjadi bahan polemik baik dari sudut politik, akademik dan kemanusiaan. Artikel ini membincangkan tentang sejarah kedua-dua peristiwa dari tiga perspektif iaitu sejarah *per se* peristiwa itu sendiri semasa meletusnya kejadian tersebut berdasarkan rekod-rekod rasmi British. Dari satu sudut yang lain, terdapat hujah-hujah pihak pemerintah mengenai peristiwa ini yang bertujuan mengekalkan kepentingan nasional Indonesia. Selanjutnya penulisan ini turut memuatkan pandangan dan pentafsiran mereka yang turut terbabit rentetan daripada peristiwa tersebut, pengkritik dan penganalisis masyarakat Indonesia masa kini. Bahagian perbincangan ini memuatkan tulisan semasa yang berbentuk retro-perspektif berdasarkan karya-karya memoir dan biografi mereka yang terlibat serta wawancara oleh akhbar-akhbar tempatan Indonesia.

2.0 G30S/PKI BUKAN SEKADAR “RIBUT DALAM SECANGKIR KOPI”

Peristiwa Sumur Lubang Buaya merupakan permulaan hebat terhadap peristiwa Gestapu 1965 yang disifatkan oleh pemerintah Indonesia sebagai percubaan rampasan kuasa atau *coup* 30 September 1965/Parti Komunis Indonesia atau dikenali sebagai G30S/PKI. Peristiwa ini dikatakan sebagai didalangi oleh PKI bagi menyelamatkan Presiden Sukarno dari disingkirkan daripada kekuasaannya oleh pihak-pihak tertentu di Indonesia. Anehnya, bagi pihak PKI juga mereka mendakwa peristiwa ini bertujuan untuk menyelamatkan Presiden Sukarno, manakala dalam versi pihak TNI pula, mereka mendakwa peristiwa ini sebagai percubaan rampasan kuasa yang gagal. Bagi TNI, G30S/PKI adalah didalangi oleh PKI yang mempunyai pengaruh yang cukup besar di negara itu. Menjelang pertengahan tahun 1965, ahli PKI dianggarkan seramai 2.5 juta dengan jumlah penyokong seramai 10 juta orang.

Pada hakikatnya, peristiwa ini merupakan kemuncak kepada pergolakan politik yang berlaku di Indonesia yang bermula di tahun-tahun terakhir 1950-an dan awal tahun 1960-an. Ia juga sebenarnya lebih memperlihatkan persaingan antara pihak PKI dan tentera dalam mengambil alih politik Indonesia berikutan dengan keadaan kesihatan Presiden Sukarno yang

dikatakan semakin merosot (Sutter, 1966). Dalam pada itu keadaan ekonomi Indonesia berada dalam keadaan yang sangat meruncing,

Rising prices for some months had been putting more and more pressure on all but the most wealthy class, and for labourers, and for most of the society, getting enough to eat had become a real and important problem.

(Foreign Office, 1965a, hal. 2)

Malah menurut Ricklefs (1991), sejak pertengahan 1950-an lagi, keadaan parti-parti politik pada masa itu adalah bersifat defensif dan saling bermusuhan antara satu sama lain dan tidak mungkin untuk bekerjasama bagi mempertahankan sistem berparlimen. Mengulas mengenai perluasan pengaruh PKI dalam sekitar tempoh selepas 1955, Jones (1980) menyatakan:

Until the spring of 1958, the PKI had been making great strides in its penetration of the government. This was not only because of presidential favour; it had been so active politically as almost to preempt the leadership of popular causes. It had vigorously supported the central government in the struggle against the dissident regions.

(hal. 155)

Beberapa bulan sebelum meletus peristiwa Gestapu 30 September, banyak pihak telah maklum mengenai pergeseran pengaruh antara pihak tentera yang bertentangan aliran terutama yang berfahaman komunis (PKI) dan aliran kanan dalam Angkatan Tentera Darat Indonesia. Konflik politik dalaman Indonesia ini menjadi lebih parah apabila Sukarno dikatakan lebih memihak kepada aliran kiri (Scott, 2009).

Dalam pada itu juga perkembangan ini telah diteliti oleh pihak Barat dalam hubungan mereka dengan Indonesia. Amerika Syarikat dan British sepakat mengenai pembendungan komunisme merupakan usaha yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan keutuhan pengaruh Barat dan mengekalkan kestabilan di rantau ini. Sehubungan dengan dasar tersebut, kedua-dua kuasa tersebut bersetuju bahawa Indonesia perlu dibendung daripada pengaruh komunis. Perkara ini dicatat dalam rekod-rekod British dan antaranya adalah seperti di bawah:

When Mr. Kennedy had visited London on his way back to the United States we had been at pains to impress on him that, although the United Kingdom and the United States had a common objective in the maintenance of peace in South-East Asia, there was a risk that they would adopt divergent tactics for this purpose. The United States Government were chiefly concerned to support the Government of Indonesia in the hope that, by so doing, they would prevent Indonesia from drifting into the Communist sphere of influence.

(Dominion Office, 1964, hal. 2)

Pendirian di atas sebenarnya berkait rapat dengan dasar luar kuasa-kuasa Barat yang anti-komunis dan ditambah lagi dengan persekitaran politik di Asia Tenggara yang menunjukkan pergolakan Perang Vietnam. Oleh yang demikian, apabila meletusnya Gestapu 30 September ini, ia turut menimbulkan beberapa tanda tanya mengenai penglibatan mereka khususnya Amerika Syarikat dan Britain dalam peristiwa ini.

Pada dasarnya, pembawaan Presiden Sukarno yang lebih condong kepada blok komunis semakin membimbangkan kuasa Barat. Contohnya, dalam salah satu ucapan beliau, Sukarno secara jelas mengkritik pemimpin-pemimpin Barat kecuali Jeneral de Gaulle. Beliau memuji

pemimpin Perancis itu dan juga Hitler serta Mussolini. Sukarno juga telah menutup ucapan beliau dengan perkataan “*vivere pericoloso*” iaitu satu perkataan yang dipinjam dari Mussolini dalam merumuskan polisi beliau yang kembali kepada rakyat. Selain itu, Sukarno secara lantang mengkritik bantuan-bantuan Barat dan menyatakan Indonesia tidak akan jatuh tanpa bantuan-bantuan tersebut; “*Go to hell with your tales of Indonesian economic destruction. Indonesia will never collapse*” (Ministry of Defence, 1964, hal. 1). Dalam ucapan sempena sambutan kemerdekaan Indonesia ini juga Sukarno seolah-olah mengisytiharkan dirinya memihak kepada pihak komunis; “*I am a friend of the Communists because the Communists are revolutionary people*” (Ministry of Defence, 1964, hal. 1). Pendirian Sukarno telah menjadi duri dalam daging dalam politik Indonesia dan dari semasa ke semasa telah meluaskan persaingan kuasa antara puak kiri dan puak kanan khususnya dalam kalangan pihak tentera. Konflik ini kemudiannya diakhiri oleh tindakan Regimen Tjakrabirawa iaitu Regimen Pengawal Istana yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Untung Surropati, Ketua Komander Pengawal Presiden yang nekad bertindak menawan Istana Presiden. Selanjutnya, satu pengumuman telah dibuat pada pagi 1 Oktober 1965 oleh Radio Indonesia. Mengikuti Menteri Luar Indonesia pada masa itu iaitu Dr. Subandrio, rampasan kuasa itu bertujuan untuk menghalang sebarang percubaan untuk menjatuhkan Presiden Sukarno.

Pada malam pemberontakan tersebut dilancarkan, enam orang pemimpin tentera Indonesia telah diculik dan kemudiannya dibunuh di Sumur Lubang Buaya. Mereka ialah: i) Leftenan-Jeneral Ahmad Yani yang merupakan Menteri dan Komander Angkatan Tentera Indonesia; ii) Mejer-Jeneral R. Soeprato, Timbalan II (Pentadbiran) Ibu Pejabat Tentera Indonesia; iii) Mejer-Jeneral M. T. Hartono, Timbalan III Inspektor-Jeneral, Ibu Pejabat Tentera Indonesia, iv) Mejer-Jeneral Siswondo Parman, Penolong I (Perisikan) Ibu Pejabat Indonesia; v) Mejer-Jeneral D. I. Pandjaitan, Penolong IV (Logistik) Ibu Pejabat Tentera Indonesia; dan vi) Brigediar-Jeneral Soetojo Siswarninhardjo, Inspektor Hal Ehwal Undang-Undang/Pengacara Keadilan Ibu Pejabat Tentera Indonesia. Mayat-mayat mereka kemudiannya dibawa ke Pangkalan Udara Halim dan telah ditemui tiga hari kemudiannya di satu tempat yang dikenali sebagai Lubang Buaya (Foreign Office, 1965b).

Pelbagai persoalan timbul dan masih menjadi tandatanya mengenai peristiwa coup ini sehingga ke hari ini. Dalam laporan Gilchrist ke Pejabat Luar, London sebaik sahaja selepas hari kejadian, keadaan di Jakarta tidak menunjukkan keadaan seperti berlaku rampasan kuasa. Malah dalam telegram kepada Pejabat Luar London pada pagi 1 Oktober, beliau menyatakan cubaan rampasan kuasa adalah perkara yang “tidak masuk akal” kerana Jakarta juga dikatakan dalam keadaan tenang dan seolah-olah tidak ada apa-apa yang sedang berlaku. Laporan beliau adalah seperti berikut;

The Governor of Djakarta told me an hour ago that I could easily go away for the weekend without fear of evil consequences, but he declined to elaborate. Traffic has built up to about normal. No sign of anti-foreign feeling so far, except for references to C. I. A. in original communiqué.

(Foreign Office, 1965c, hal. 1)

Dalam laporan ini beliau turut menyatakan tidak ada sebarang petanda penting terhadap kemungkinan berlakunya rampasan kuasa di Indonesia. Malah sebelum kejadian tersebut kira-kira jam 9 malam 30 Oktober, menurut Gilchrist, beliau telah mengadakan perbincangan dengan Jeneral Nasution dan selepas itu beliau minum bersama-sama dengan Dewi Sukarno iaitu isteri Presiden Sukarno yang berbangsa Jepun.

Namun keadaan ini berubah menjelang hari kedua iaitu pada 2 Oktober, apabila sekitar Jakarta mula dipenuhi oleh tentera-tentera bersenjatakan 57mm AA. Keadaan keselamatan juga dikatakan kurang baik. Manakala mereka yang sedang menginap di Hotel Indonesia diarahkan turun dari bilik masing-masing. Bangunan-bangunan penting kerajaan dan pejabat Radio Indonesia dikawal oleh angkatan bersenjata. Sementara itu Istana Presiden terus dikawal oleh Pengawal Presiden. Dalam satu telegram yang dihantar ke London, Gilchrist melaporkan, “*Situation is still far from clear and reliable information is hard to get*” (Foreign Office, 1965d, hal. 1). Beliau juga menjangkakan perintah berkurung akan diumumkan dan tidak ada sebarang petunjuk mengenai tindakan anti-pihak asing. Talian telefon masih tidak boleh digunakan untuk menghubungi pihak luar dan keadaan semasa masih selamat bagi pihak asing.

Menjelang tengahari, semua perhubungan dalam dan luar negara telah terputus dan Jakarta telah menjadi sunyi dengan pergerakan tentera kelihatan di merata tempat (Foreign Office, 1965e). Dalam pada itu tidak ada sebarang berita mengenai Sukarno dan tidak ada mana-mana pihak yang membuat kenyataan mengenai Presiden Indonesia itu (Foreign Office, 1965f). Namun dalam satu surat Presiden Sukarno yang bertarikh 2 Oktober kepada Dewi yang antara lain berbunyi, “Saya dalam keadaan baik dan sangat sibuk dengan konferensi bersama semua panglima militer untuk menyelesaikan konflik di kalangan militer” (Karno, 2009, hal. 3). Ia menunjukkan keadaan Presiden Sukarno pada masa itu selamat dan sedang menjalankan tugas bersama-sama dengan pihak tentera.

Selanjutnya pada 3 Oktober, Sukarno telah muncul dan mengetuai mesyuarat Kabinet Perang iaitu KOTI (Komando Tertinggi) di Bogor. Antara mereka yang hadir ialah Nasution dari Kementerian Pertahanan, Martadinata (Angkatan Tentera Laut), Omar Dhani (Angkatan Tentera Udara), Sudjipto (Komander Polis), dan Leimena (Timbalan Perdana Menteri Kedua). Pada tengah malam, Brigedier Saour yang merupakan pegawai atasan Untung tetapi tidak bekerjasama dengannya membaca kenyataan berikut:

- i. Mesyuarat KOTI telah diadakan.
- ii. Presiden mengawal angkatan tentera.
- iii. Presiden mengeluarkan arahan bagi mengadakan siasatan politik di sebalik coup 30 September.
- iv. Mengesahkan perlantikan Jeneral Pranoto Reksosanodra secara hari ke hari dalam mengendalikan urusan ketenteraan.
- v. Mengesahkan semua kuasa Suharto secara perundangan.
- vi. Suharto dilantik bagi memulihkan undang-undang dan peraturan.

Selepas pengumuman tersebut, Sukarno telah membuat ucapan pendek ketika mengulas perkara di atas dan menyeru rakyat agar berdiri teguh di belakang Kabinet Dwikora dan menentang NEKOLIM. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Suharto di atas segala tindakan beliau dalam menumpaskan cubaan rampasan kuasa (Foreign Office, 1965e).

Banyak persoalan yang timbul mengenai pihak manakah yang sebenarnya yang bertanggung jawab dalam mencetuskan cubaan rampasan kuasa ini. Jika ditelitikan dari segi rekod-rekod British yang berupa laporan semasa sewaktu *coup* tersebut dilancarkan ia hanya berbentuk laporan dari Duta Besar British dari masa ke semasa dari 1 sehingga 3 Oktober. Hanya pada 4 Oktober beliau telah menghantar laporan penuh kepada Pejabat Luar di London yang menyatakan bahawa rampasan kuasa ini dipimpin oleh sebilangan pemimpin-pemimpin PKI yang menjawat jawatan penting dalam ketenteraan Indonesia yang dipimpin oleh Leftenan Kolonel Untung. Beberapa tokoh lain yang dikatakan sebagai turut terlibat ialah Leftenan

Kolonel A. Latif yang merupakan Komandan Briged 1 KODAM, Brigedier-Jenderal Supardjo iaitu Timbalan Penolong Keempat, Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Tentera, beberapa pegawai Angkatan Udara Republik Indonesia (AURI), ahli-ahli pasukan Pengawal Presiden, Batalion 454, Batalion 530, Briged Payung Terjun Ketiga, Kumpulan Pemuda PKI, Pemuda Rakyat, Kumpulan Wanita PKI iaitu Gerakan Wanita Indonesia (Gerwani), Ketua Kesatuan Perdagangan PKI dan SOBSI (Foreign Office, 1965a).

Duta Besar British seterusnya melaporkan iaitu pada awal 1 Oktober, tentera-tentera yang di bawah arahan Leftenan Kolonel Untung telah menguasai istana Presiden dan mereka menukar talian telefon serta stesen wireless. Dalam masa yang sama serangan telah dilakukan terhadap tujuh pemimpin tertinggi tentera. Hanya seorang sahaja yang terselamat iaitu Jeneral Nasution walaupun anak perempuannya iaitu Ade Irma Suryani Nasution telah terbunuh. Pada malam kejadian Suharto tidak ada di rumah dan berada di suatu tempat untuk bermeditasi sebagaimana yang disarankan oleh penasihat spiritualnya.

Pada pukul tujuh pagi keesokan harinya, Leftenan Kolonel Untung telah membuat kenyataan melalui radio Indonesia dan mengisytiharkan bahawa Gerakan 30 September adalah bertujuan untuk menghalang rampasan kuasa oleh para jeneral yang telah bersubahat dengan Agensi Perisikan Pusat Amerika (*American Central Intelligence Agency - CIA*). Untung juga telah mengumumkan penubuhan Majlis Revolusi Indonesia. Pada tengahari atas nama Majlis Revolusi, Untung telah mengisytiharkan pembubaran Kabinet Dwikora. Beliau juga turut mengumumkan nama-nama 45 ahli Majlis Revolusi. Ia dipengerusikan oleh Untung sendiri manakala Supardjo dilantik sebagai Naib Pengerusi manakala tokoh-tokoh lain ialah Omar Dhani, Sudjipto, Martudmata, Subandrio dan Leimena. Gilchrist seterusnya melaporkan dalam suasana yang keliru itu pihak tentera, angkatan laut dan polis telah menyokong Suharto. Manakala Angkatan Udara Republik Indonesia (AURI) yang terlibat dalam menyokong Untung masih menguasai Jawa Tengah. Sebahagian besar anggota PKI menyokong Untung, namun tidak ada seorang pun pemimpin komunis yang tampil untuk menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap tindakannya malah PKI sendiri tidak menyatakan pendirian mereka.

Hanya pada jam 3 petang pada 1 Oktober iaitu lebih kurang tujuh jam selepas pengumuman rampasan kuasa oleh Dr. Subandrio di Radio Indonesia, rampasan kuasa itu berjaya dipatahkan. Suharto bertindak merampas semula Istana Presiden. Seterusnya diikuti dengan penguasaan semula ke atas Pangkalan Tentera Halim. Sementara itu, Untung pada masa ini dipercayai telah melarikan diri dengan menggunakan helikopter. Pada jam sembilan malam pada hari yang sama, Suharto membuat pengumuman pertama melalui *wireless* bahawa tentera darat, tentera laut serta pasukan polis telah bersetuju untuk menghapuskan Gerakan 30 September (Foreign Office, 1965g).

Selanjutnya pada 2 Oktober 1965, Suharto telah dapat menguasai Jakarta dengan lebih berkesan walaupun mendapat tentangan kecil dari pihak pemberontak. Pertempuran dengan pihak pemberontak juga turut berlaku di luar Jawa Tengah apabila tentera pemberontak yang dipimpin oleh Kolonel Suberman yang sebelum ini menguasai Jogjakarta dan Semarang dikatakan telah bersembunyi di pinggir-pinggir bukit dan melancarkan beberapa serangan kepada pihak tentera kerajaan. Selain itu pihak tentera juga menghadapi tentangan dari para pemberontak Sumatra Utara dan selepas itu pihak tentera berjaya mengembalikan keamanan Jakarta (Foreign Office, 1965g).

Hakikatnya peristiwa Gestapu 30 September 1965 merupakan titik noktah kepada pergerakan dan penerusan hidup (*survival*) PKI dalam politik Indonesia. Walaupun tidak ada sebarang pengakuan dari mana-mana pihak mengaitkan penglibatan langsung mereka dalam

gerakan ini, namun ia telah memberikan dampak kepada hidup mati partai ini di Indonesia. Berikutan dengan peristiwa tersebut, siri tunjuk perasaan telah merebak di Indonesia menuntut agar PKI diharamkan. Suharto kemudian menandatangani Surat Keputusan No. 1/3/1966 untuk membubarkan PKI. Surat keputusan ini diperkuat lagi dengan Ketetapan Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara Nomor 25/1966. Perubahan politik ini berlangsung dengan begitu pantas dan Suharto tiba-tiba muncul sebagai pemimpin nasional yang cukup popular dan kemuncaknya pada tahun 1967 beliau telah dilantik menjadi presiden Indonesia bagi menggantikan Presiden Sukarno.

3.0 SEBUAH TRILOGI “HISTORY IS ALWAYS WRITTEN BY WINNERS”

Bahagian ini membincangkan mengenai Peristiwa G30S/PKI dan tragedi korban di Sumur Lubang Buaya pada masa kini. Dari segi kronologi sejarah di Indonesia, kedua-dua peristiwa ini telah berada dalam persada sejarah negara itu sebagai “*black history*” dan sehingga kini masih menjadi misteri. Siapakah yang sebenarnya bersalah dan siapakah yang menjadi mangsa serta menjadi kambing hitam masih menjadi persoalan dan sentiasa diperdebatkan di media umum Indonesia. Polemik tentang perkara ini sentiasa timbul samada oleh orang awam, pengkritik sejarah, pengkritik sosial, para seniman dan aktivis masyarakat. Pelbagai pihak, seperti pihak pemerintah Republik Indonesia pada zaman Order Baru, individu-individu yang terlibat secara langsung dalam peristiwa tersebut, anak-anak mangsa serta para penganalisis, memberi kenyataan saling bertentangan.

Dalam dekad-dekad awal kejadian tersebut, perbincangan tentang kedua-dua peristiwa lebih bersifat sehalu dan berpihak kepada kerajaan. Sumber kerajaan Indonesia pada zaman Order Baru menyatakan bahawa mangsa penculikan telah dibawa ke Lubang Buaya untuk disoal siasat. Anggota PKI yang sedang meluap-luap kemarahannya telah memukul enam jeneral serta seorang letenan itu dan mayat mereka dicampak ke dalam perigi. Para pegawai tentera tersebut dikatakan telah disiksa oleh anggota Gerwani. Sebelum dibunuh, mereka dikelilingi para pemimpin Gerwani sambil menari dan menyanyikan lagu-lagu rakyat yang menjadi alat propaganda PKI pada masa itu iaitu *Ganyang Kabir* atau *Ganyang Tiga Setan Kota* ciptaan komposer aliran komunis, Soebroto K Atmodjo. Mereka menari sambil menikam tubuh mangsa. Perbuatan-perbuatan ini digambarkan dengan jelas dalam filem-filem yang mengisahkan G30S/PKI yang dikatakan sebagai versi pemerintah Indonesia pada masa itu. Kejadian mengerikan itu mulai tersebar dan Suharto telah melancarkan kempen mengeji tindakan PKI melalui dua akhbar milik tentera iaitu *Angkatan Bersenjata dan Berita Yudha*. Misalnya, “Jelaslah bagi kita,” kata Suharto, “betapa kejamnya yang telah dilakukan oleh mereka yang biadab yang dinamakan Gerakan 30 September” (Misteri Lubang Buaya, 2010, per. 12). Semasa zaman Order Baru iaitu di zaman pemerintahan kerajaan Presiden Suharto, peristiwa ini menjadi alat propaganda pemerintah bagi menyingkirkan pengaruh PKI dalam masyarakat dan dijadikan filem dan novel.

Setelah memasuki zaman Kabinet Bersatu pimpinan Susilo Bambang Yudhoyono timbul pula khabar angin bahawa pembunuhan tujuh pegawai tinggi tentera itu didalangi oleh Suharto sendiri untuk menjatuhkan Sukarno yang difitnah menyokong komunis. Sejauh manakah kebenaran peristiwa ini terus menjadi misteri Lubang Buaya.

Selanjutnya, setelah lima dekad, muncul versi-versi yang lebih pelbagai tentang peristiwa ini. Salah seorang saksi hidup peristiwa di Sumur Lubang Buaya ialah Ajun Komisariss Besar Polisi (AKBP) Sukitman, seorang pegawai tentera Indonesia yang nyaris-nyaris menjadi mangsa dalam tragedi tersebut ketika beliau sedang bertugas menjelang dinihari pada 1

Oktober 1965 di Seksi Vm Kebayoran Baru, Jakarta. Akhbar *Tribunews* yang memuatkan wawancara oleh Yahya dan Saptono (2017) dengan Sukitman yang turut terseret dalam kejadian tersebut sehingga dibawa ke Lubang Buaya di tempat para jenderal yang dikatakan sebagai disiksa dan dibunuh. Beliau menceritakan keadaan di Sumur Lubang Buaya antara lain adalah seperti berikut;

6 *sekelompok orang mengerumuni sebuah sumur sambil berteriak, "Ganyang kabir, ganyang kabir!" Ke dalam sumur itu dimasukkan tubuh manusia - entah dari mana - yang langsung disusul oleh berondongan peluru. seorang tawanan dalam keadaan masih hidup dengan pangkat bintang dua di bahunya.*

(hal. 3)

6 Setelah tutup matanya dibuka dan ikatannya dibebaskan, di bawah todongan senjata, sandera itu dipaksa untuk menandatangani sesuatu. Tapi kelihatannya ia menolak dan memberontak. Orang itu diikat kembali, matanya ditutup lagi, dan diseret dan langsung dilemparkan ke dalam sumur yang dikelilingi manusia haus darah itu dalam posisi kepala di bawah.

Tragedi ini juga turut dikenang oleh anak-anak mangsa antaranya ialah Rianto Nurhadi iaitu anak kepada Leftenan Jenderal TNI Anumerta Mas Tirtodarmo Haryono turut berkongsi cerita ketika rumah mereka diserbu oleh PKI untuk menculik dan membunuh ayahnya. Dalam wawancara dengan Samsdhuha Wildansyah (2017) beliau berkata;

5 *Saya melihat ayah saya pada waktu pintu terbuka. Jadi pintu ditembak sampai hancur dan terbuka dan ayah saya merebut senjata dari gerombolan itu. Jadi itu gerombolan Cakrabirawa. Ketika 5 dia rebut senjata itu dia ditembak dari belakang kemudian saya lari. Rumah kami hancur, atapnya, temboknya. Kami melihat sendiri ayah saya diseret. Diseretnya itu dia menarik kaki ayah saya sepanjang kamar sampai ke 5 pan truk dan ayah saya dilempar seperti melempar sekarung beras... Banyak selongsong peluru, bau mesiu yang sangat menyengat, darah berserakan dan bisa bayangkan keadaan pada saat itu. Ayah kami dihina, diteror, direndahkan martabatnya kemudian dibunuh secara kejam dan keji.*

(per. 2-4).

Menurut beliau peristiwa tersebut menjadi luka yang sangat dalam pada diri dan keluarganya, "Luka itu lama sembuhnya dan berbekas terus. Tiap tahun film itu selalu diputar sampai tahun 98 lalu kemudian tidak ada," ujarnya (hal. 2). Sementara itu Nani Nurachman Sutopo iaitu anak kepada Jenderal Sutojo Siswomihardjo yang turut menjadi korban di Sumur Lubang Buaya, mencatatkan kenangan luka kehilangan ayahnya seperti berikut:

7 *Masa yang lalu bisa saya torehkan sebagai perlawanan antara yang kalah dan yang menang, antara salah dan benar. Ini adalah penilaian sejarah yang tentu saja banyak ditulis oleh mereka yang menang. Sering dilupakan bahkan tidak ditulis adalah bagaimana sejarah itu menimbulkan tragedi dan korban. Siapakah yang menjadi korban? Kita semua tanpa kecuali. Ini adalah penilaian moral, karena berarti kita harus membangun kembali manusia-manusia dari puin-puin reruntuhan kemanusiaan itu sendiri.*

(Sutojo, 2013, hal. xv)

Sementara itu, persoalan-persoalan mengenai kebenaran peristiwa ini muncul silih berganti saban tahun. Di Jakarta, salah sebuah akhbar yang dikatakan bersifat tidak berpihak mengemukakan pandangan dan laporan berikut;

Setiap kali berbicara atau bercerita tentang G30S/PKI atau tentang Pahlawan Revolusi, atau film Penumpasan Pengkhianatan G30S/PKI, kata Lubang Buaya tak akan lepas dari perbincangan tersebut. Lubang Buaya menjadi kata yang paling sering disebut

Pada 4 Oktober 1965, ketika dilakukan penggalan jenazah para jenderal di Lubang Buaya, Mayjen Soeharto, Panglima Kostrad menyampaikan pidato yang disiarkan luas yang menyatakan bahwa para jenderal telah dianiaya sangat kejam dan biadab sebelum ditembak.

Dikatakan olehnya bahwa hal itu terbukti dari bilur-bilur luka di seluruh tubuh para korban. Di samping itu Suharto juga menuduh, Lubang Buaya berada di kawasan PAU Halim Perdanakusuma, tempat latihan sukarelawan Pemuda Rakyat dan Gerwani. Perlu disebutkan bahwa Lubang Buaya terletak di wilayah milik Kodam Jaya.

Memang sejak saat itu, sebagaimana kita baca dari banyak sumber media dan buku bahwa telah terjadi kampanye hitam sehingga menimbulkan perdebatan yang sengit dan kontroversi yang tidak berkesudahan...

Apa tujuan kampanye hitam fitnah itu? Hal ini – sebagaimana para peneritik, dimaksudkan untuk mematangkan situasi, membangkitkan emosi rakyat umumnya dan kaum agama khususnya menuju ke pembantaian massal para anggota PKI dan yang dituduh PKI sesuai dengan doktrin membasmi sampai ke akar-akarnya.

Dengan gencarnya kampanye hitam itu, maka telah berkembang biak dengan berbagai peristiwa di daerah dengan kreatifitas dan imajinasi para penguasa setempat. Selama kurun waktu 1965-1966 jika di pekarangan rumah seseorang ada lubang, misalnya untuk dipersiapkan menanam sesuatu atau sumur tua tak terpakai, apalagi jika si pemilik dicurigai sebagai orang PKI, maka serta-merta ia dapat dituduh telah mempersiapkan "lubang buaya" untuk mengubur para musuh atau lawan politik. Dongeng tersebut pun hidup agak lama.

Intinya, segala macam dongeng fitnah busuk berupa temuan "lubang buaya" yang dipersiapkan PKI dan konco-konconya yang berwatak sangat keji untuk mengubur lawan-lawan politiknya ini bertaburan di banyak berita koran 1965-1966...

(Sisi Lain dari Sejarah Sumur Lubang Buaya, 2017)

Sementara itu, menurut Sukmawati iaitu anak Presiden Sukarno, bapanya jelas sedih dan terganggu dengan peristiwa ini. Dalam satu temubual selanjutnya, beliau berkata pada tahun 1967 mereka sekeluarga harus keluar dari Istana Presiden apabila MPRS mengeluarkan Ketetapan No. XXXIII/MPRS/1967 yang isinya pencabutan kekuasaan Presiden Soekarno atas segala kekuasaan pemerintah negara dan mengangkat Suharto sebagai Presiden (Sukmawati, 2017). Sukarno kemudiannya ditahan di Wisma Yaso menderita dengan penyakit diabetes tanpa mendapat layanan yang sewajarnya sebagai Bapa Kemerdekaan dan meninggal dalam kesedihan (Zara, 2010).

Dalam konteks kehidupan dan kekuasaan Presiden Sukarno, peristiwa ini secara langsung telah menamatkan kuasa pemerintahan Order Lama yang dipimpin oleh beliau dan digantikan oleh pemerintahan Order Baru yang dipimpin oleh Presiden Suharto. Peristiwa ini juga

membuktikan kebenaran kata-kata Sukarno yang mengakui bahawa pembawaan politik yang diamalkan menyebabkan beliau hidup dalam merbahaya.

4.0 KESIMPULAN

Jelas sekali bahawa sejarah peristiwa G30S/PKI dan korban Lubuk Buaya tidak terhenti berikutan dengan kemunculan pentadbiran baru di Indonesia selepas tahun 1965. Walaupun beberapa dekad, peristiwa tersebut lebih berupa propaganda kerajaan dalam membasmi fahaman komunis di Indonesia, namun selepas kejatuhan Presiden Suharto pada tahun 1998, perbincangan, perdebatan dan tulisan-tulisan mengenai pro dan kontra, benar dan salah tentang peristiwa ini kembali diperkatakan secara umum oleh pelbagai pihak di Indonesia.

Inilah yang menjadi intipati kepada artikel ini iaitu memaparkan isu-isu pengadilan sejarah terhadap kedua-dua peristiwa oleh tiga pihak yang terlibat iaitu kerajaan, ahli keluarga mangsa dan penganalisis serta pemerhati sosial dan politik di Indonesia dan luar negara. Salah seorang dari mereka ialah Scott (2009), yang mendakwa terdapat penglibatan agensi luar dalam usaha penggulingan Presiden Sukarno. Jika benar andaian-andaian yang bersimpang-siur itu, maka tepat apa yang dinyatakan oleh Adam (2009, hal. 161) bahawa usaha-usaha untuk membetulkan sejarah negara “merupakan upaya menciptakan beragam narasi tentang tragedi 1965 dan dengan harapan dapat bermuara kepada rekonsiliasi. Percayalah bahwa meluruskan sejarah tidak merusak akidah”.

RUJUKAN

- Adam, A.W. (2009). *Membongkar manipulasi sejarah kontroversi pelaku dan peristiwa*. Jakarta: Kompas.
- Dominion Office. (1964). 169/404. Ottawa Talks, extract from record of a meeting held at parliament building, Ottawa, on Monday, P.M.(O)(64), 10 Februari 1964.
- Foreign Office. (1965a). 371/180324. DH 1015/311. No. 16 1011/65. British Embbasy, Djakarta 18 November 1965.
- Foreign Office. (1965b). 371/180317. Telegram dalaman dari Canberra ke pejabat pesuruhjaya tinggi Australia di London. DH 1015/161. 5 Oktober 1965.
- Foreign Office. (1965c). 371/180316. Telegram dari Gilchrist ke pejabat luar, No. 1992. DH 1015/141, 1 Oktober 1965.
- Foreign Office. (1965d). 371/180316. Telegram dari Gilchrist ke pejabat luar, No. 2003. DH 1015/146, 2 Oktober 1965.
- Foreign Office. (1965e). 371/180317. Telegram dari Gilchrist ke Pejabat Luar, No. 2018. DH 1015/149 (B), 3 Oktober 1965.
- Foreign Office. (1965f). 371/180317. Telegram dari Gilchrist ke pejabat luar, No. 2007. DH 1015/148 (A), 2 Oktober 1965.
- Foreign Office. (1965g). 371/180320. Attempted coup in Indonesia, Foreign Office and Whitehall Distributions, Section 1, DH 1015/215, 19 Oktober 1965.
- Jones, H.P. (1980). *Indonesia: The possible dream, (fourth printing)*. Singapore: Gunung Agung (S) Pte. Ltd.

- Karno, B. (2009). Surat Bung Karno untuk Ratna Sari Dewi. Diambil dari <https://penasokarno.wordpress.com/2009/11/14/surat-bung-karno-untuk-ratna-sari-dewi/>
- Ministry of Defence. (1964). 11/786. Sukarno's Independence Day address, no. 499 guidance, 19 Ogos 1964.
- Misteri lubang buaya. (2010, Mei 23). Utusan Online. Diambil dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_14.htm
- Ricklefs, M.C. (1991). Sejarah Indonesia moden. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Scott, P.D. (2009). Amerika Serikat dan penggulingan Soekarno 1965-1967. (Alih bahasa oleh Waluyo Soebagyo Kartanegara). Jakarta: Vision 3.
- Soekarnoputri, S. (2017, September 19). Bung Karno menangis lihat jutaan rakyatnya dibunuh demi sebuah kekuasaan. Warta Kota. Diambil dari <http://wartakota.tribunnews.com/2017/09/19/sukmawati-bung-karno-menangis-lihat-jutaan-rakyatnya-dibunuh-demi-sebuah-kekuasaan>
- Sisi lain dari sejarah sumur lubang buaya, Cipayung, Jakarta Timur. (2017, Oktober 12). Netralnews. Diambil dari <http://www.netralnews.com/news/singkapsejarah/read/105330/sisi.lain.dari.sejarah.sumur.lubang.buaya>
- Sutojo, N.N. (2013). Kenangan tak terucap saya, ayah, dan tragedi 1965 (Disunting oleh Imelda Bachtiar). Jakarta: Kompas.
- Sutter, J.O. (1966). Two faces of konfrontasi: "crush Malaysia" and the Gestapu. *Asian Survey*, 6(10), 523-546.
- Wildansyah, S. (2017, September 29). Putra Letjen MT Haryono cerita soal peristiwa G30S/PKI. Detiknews. Diambil dari <https://news.detik.com/berita/d-3662925/putra-letjen-mt-haryono-cerita-soal-peristiwa-g30spki>
- Yahya, S. & Saptono, A. (2017, September 20). Cerita kekejaman G30S/PKI, mereka yang lolos dari lubang buaya. Tribunnews. Diambil dari <http://www.tribunnews.com/nasional/2017/09/20/cerita-kekejaman-g30spki-mereka-yang-lolos-dari-lubang-buaya?page=all>
- Zara, M.Y. (2010). Ratna Sari Dewi Sukarno, sakura di Tengah Prahara. Yogyakarta: Penerbit Ombak.

G30SPKI 1965 dan Tragedi Lubang Buaya : Sebuah Trilogi [The G30S/PKI 1965 and Lubang Buaya Tragedy : A Trilogy]

ORIGINALITY REPORT

23%

SIMILARITY INDEX

23%

INTERNET SOURCES

1%

PUBLICATIONS

%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1

journalarticle.ukm.my

Internet Source

6%

2

kiriluar.blogspot.com

Internet Source

5%

3

evijulianasarii.blogspot.com

Internet Source

4%

4

journal.unisza.edu.my

Internet Source

3%

5

smansatuja.blogspot.com

Internet Source

2%

6

fakhrulrozirahman.wordpress.com

Internet Source

2%

7

www.komnasperempuan.or.id

Internet Source

1%

Exclude bibliography On